

# 516 mangsa banjir di Kuching dibawa ke pusat pemindahan

**KUCHING** - Hujan lebat sejak malam kelmarin menyebabkan beberapa buah kampung di daerah ini, Bau dan Padawan dekat sini dinaiki air hingga penduduk yang terjejas terpaksa dipindahkan ke lima pusat pemindahan banjir berhampiran semalam.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Sarawak, Siti Huzaimah Ibrahim berkata, setakat pukul 6 petang semalam, jumlah mangsa yang dipindahkan adalah seramai 516 orang daripada 143 keluarga.

Katanya, tiga pusat pemindahan banjir dibuka di Bau iaitu Pusat Pemindahan (PP) Gereja St. Mary, Kampung Bogag, PP Dewan Kampung Bijuray, Krokong, PP Dewan Kampung Kaman, Krokong.

“Satu PP dibuka di Padawan iaitu PP Sekolah Kebangsaan St. Peter, Bunuk manakala satu PP di Kuching iaitu PP Kitang Jaya, Batu Kitang dibuka pukul 6 petang tadi (semalam). PP yang lain dibuka seawal



**ANGGOTA JPAM** membantu penduduk untuk berpindah dengan menggunakan bot setelah kediaman mereka di Kampung Belimbing, Kuching dinaiki air semalam.

pukul 8 pagi tadi (semalam),” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Siti Huzaiman berkata, beberapa buah kampung di daerah ini iaitu di Kampung Desa Wira serta Kampung Kudei turut mula dinaiki air namun tiada pemindahan dilakukan buat masa ini.

Katanya, pasukan penyelamat terdiri daripada JPAM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) sentiasa membuat peman-tauan di kawasan-kawasan yang mula dinaiki air bagi memberikan bantuan kepada mangsa untuk berpindah.